

26/10/1998

Pensyarah IPT dijamin cukup

BATU PAHAT, Ahad - Kementerian Pendidikan memberi jaminan kadar pensyarah dan tenaga pengajar akan dipastikan mencukupi untuk menampung pertambahan jumlah pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam, pendidikan menengah serta rendah di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata usaha mengeluarkan lebih ramai tenaga pengajar dari maktab perguruan serta IPT awam adalah proses berterusan pada peringkat kementerian.

Katanya, beberapa maktab perguruan baru akan turut dibina di seluruh negara termasuk menerusi projek penswastaan sebagai tambahan kepada 37 maktab perguruan sedia ada.

Menurutnya, sasaran kementerian adalah untuk memastikan tenaga pengajar bagi pendidikan peringkat rendah dan menengah diisi sepenuhnya menjelang tahun 2000.

"Kementerian mensasarkan semua sekolah menengah diisi dengan guru siswazah manakala sekolah rendah pula diisi dengan 30 peratus tenaga pengajar mempunyai kelayakan itu.

"Bagaimanapun, ini semua bergantung kepada keadaan ekonomi. Ketika menetapkan tahun 2000 untuk mencapai sasaran ini dahulu, keadaan ekonomi kita masih stabil," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pendidikan 1998, di Institut Teknologi Tun Hussein Onn (Ittho), di Parit Raja, dekat sini, semalam.

Sebanyak 45 kertas kerja dibentangkan dalam seminar dua hari itu yang dihadiri lebih 200 peserta dari kalangan tenaga pengajar akademik sekolah dan IPT seluruh negara.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 kelmarin mengumumkan pengambilan pelajar ke IPT awam akan ditingkatkan daripada 77,600 kepada 84,000 orang serentak peningkatan kemudahan pembelajaran dan pengajaran, prasarana serta penginapan.

Pada masa yang sama, sebanyak 183 sekolah rendah dan menengah baru akan dibuka menerusi peruntukan bernilai RM8 bilion, sementara 1,217 lagi sedang dan akan dibina, selain peningkatan taraf sekolah vokasional dan pembinaan sekolah teknik.

Dalam perkembangan lain, Khalid berkata, Kabinet mengarahkan kementerian berkenaan mengenal pasti pelajar sekolah di seluruh negara yang berpotensi dalam bidang sukan untuk dimasukkan ke sekolah sukan.

Untuk menjalankan tugas berkenaan, katanya, sebuah jawatankuasa bersama dibentuk antara Kementerian Pendidikan dan Majlis Sukan Negara (MSN), dengan tumpuan utama kepada 14 jenis sukan berpotensi menyumbang pingat.

"Kita ada dua sekolah sukan, Bukit Jalil di Kuala Lumpur dan Bandar Penawar di Johor. Ada lebih 300 pelajar di Bukit Jalil manakala kira-kira 200 lagi di Bandar Penawar setakat ini," katanya.

(END)